



**TEKS UCAPAN  
YAB DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
PERDANA MENTERI**

**SEMPENA**

**MAJLIS AMANAT YAB PERDANA MENTERI BERSAMA  
PENJAWAT AWAM DI NEGERI PERLIS**

**16 JANUARI 2023**

**DEWAN 2020, PERSIARAN WAWASAN, KANGAR, PERLIS**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, Nahmaduhu Wa Nusalli Ala Rasoolilah Kareem.

**SALUTASI**

Yang saya hormati,

Yang Berhormat Cikgu Syukri  
Menteri Besar Perlis,

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,

Datuk Mufti,

Datuk Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua Pengarah ICU, dan

Semua yang hadir.

1. Terima kasih di atas kehadiran saudara-saudara. Kunjungan ini sebenarnya lebih untuk memenuhi tanggungjawab saya menghadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis dalam menyempurnakan tugas saya dan menjunjung kasih Ke Bawah Duli Yang Mulia Raja-Raja Melayu yang memberikan dukungan dan menyelesaikan kemelut politik selepas sahaja pilihan raya.
2. Saya ucapkan penghargaan kepada Menteri Besar, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri. Jazakumullah Khairan Katsiran kerana kesudian mengusahakan satu bentuk kerjasama yang sepatutnya wujud dalam sistem Persekutuan yang ada.
3. Kita mesti mengekalkan budaya ini. Bagaimana sistem pengurusan negara itu harus diatur. Penjawat awam daripada Persekutuan dan negeri tugasnya adalah untuk memastikan dasar yang ditetapkan itu dilaksanakan dengan baik. Semalam kita ada Permukiman Jemaah Menteri, Beberapa dasar kita buat di rumah rasmi Perdana Menteri, mengurangkan kos daripada biasa dengan pendekatan yang agak berbeza. Bukan sahaja Menteri-Menteri atau Perdana Menteri berucap, bagi arahan-arahan dan pandangan tetapi kita mendengar pandangan, ulasan, cadangan dari penjawat awam sendiri. Kita beri ruang

kepada Ketua Setiausaha Negara, mantan KPPA untuk memberikan pandangan berdasarkan pengalaman mereka. Apa yang mereka harapkan dari kepimpinan eksekutif atau politik dalam negara kita. Beberapa pegawai yang terlibat walaupun tak sempat kita dengar semuanya, tetapi tradisi ini perlu, bahawa negara ini bertapak dan kalau mahu ada upaya untuk meningkat. Seperti yang selalu saya sebut, mengangkat martabat, harakat dan darjat umat dan negara, ia memerlukan kerjasama, kesepakatan semua pihak.

4. Kita tidak akan dapat kecapi kejayaan kalau tidak dengan komitmen dan pengorbanan pasukan keselamatan. Kita tidak dapat laksanakan dengan baik sekiranya jentera pentadbiran kita itu lembap.
5. Kita sebenarnya mewarisi sistem yang agak lumayan. Ada banyak kekuatannya dan juga banyak kelemahannya. Tadi dalam ucapan saya kepada warga yang hadir di Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, kita harus ada sikap bahawa dalam tradisi Islam itu sendiri, bila turunnya para Rasul, bila adanya ulama dan pemikir-pemikir hebat, sentiasa menggesa supaya ada semangat dan bukannya menolak semua yang lepas. Tidak, tapi semangat mengekalkan yang lama yang baik dan membawa perubahan, ini yang saya nak seru.

6. Mesej utama saya ialah keupayaan, kesanggupan untuk melakukan anjakan, kalau tidak besar, sedikit anjakan daripada amalan lama supaya prestasi dan keupayaan kita lebih baik. Malaysia ini punya potensi yang luar biasa hebatnya. Tetapi tidak dapat mengekalkan imej prestasi yang baik. Mungkin kerana pimpinan atau mungkin kerana kelemahan-kelemahan lain, tetapi nyata tanpa keinginan kita yang disebut dalam doa Nabi Allah Syu'aib Alaihissalam:

*In uridu illal islah mas ta ta' tu*

(Aku hanya bertujuan hendak memperbaiki sedaya upayaku)

7. Cuba sedaya upaya untuk membawa perubahan. Kalau tidak ada semangat itu, kita akan kekal di tampuk yang lama. Saudara kenal Management Guru, Peter F.Drucker? Beliau pernah menulis karya besar sekitar 90-an saya fikir, *the culture of contentment*, iaitu budaya cepat berasa puas, budaya rasa selesa, saya pemimpin terbaik ataupun saya pentadbir terbaik, saya guru terbaik, jadi tidak ada langsung keinginan hasrat memperbaiki kerana merasa sudah *perfect*. Ini babit-babit kelemahan yang disebut keangkuhan. Keangkuhan kuasa, keangkuhan kedudukan dalam Jabatan dan ini mesti kita rungkai dalam *culture of contentment*.

8. Peter Drucker, Guru Pengurusan ada mengatakan, bila budaya itu menyerap ke dalam kita mengatakan kita semua sudah, maka keupayaan mendengar pun kurang. Kita hanya merasakan kuliah kita, khutbah kita saja yang terbaik dan tidak sanggup mendengar teguran. Tidak sanggup membuat penilaian secara terbuka. Ini lebih senang diungkapkan memang sukar dilaksanakan.
9. Sebab itu saya katakan dalam permukiman, saya ubah sedikit pendekatan supaya ada pandangan lain yang secara halus atau secara lebih terang menegur beberapa kelemahan kita. Seorang pengusaha memberi laporan kepada seluruh Jemaah Menteri yang hadir, mengatakan ingin memperkenalkan pertanian organik (organic farm) yang kita anggap sebagai keutamaan yang masuk dalam dasar pertanian tahun demi tahun. Pimpinan silih berganti dasar pertanian itu diutamakan. Disebut sekuriti makanan, tetapi orang nak usahakan *organic farm* dia mengambil masa 2 tahun untuk mendapat kelulusan. Padahal semua pemimpin kita pintar-pintar. Dasar-dasar itu dicerakin dengan begitu kemas wawasannya dengan dasarnya, dan kita ada penjawat awam yang cukup cekap.

10. Tapi bila kita lihat kelemahan ini nyata, jadi sebab itu kehadiran saya itu lebih banyak mengajak kita bersama saya, Menteri Besar, rakan-rakan untuk menerima kenyataan. Kita ada upaya untuk mengangkat martabat umat di negara ini. Upaya ini kita lakukan bersama dengan mengakui kelemahan kita dan berusaha untuk memperbaiki. Itu yang disebut dalam teori sosiologi, ***prospensity to change***. Kadang-kadang orang yang kita kata orang kampung, tradisional dan enggan melakukan perubahan, mereka masih di takuk lama, tidak benar sepenuhnya kerana kadang-kadang elit penguasa, orang-orang di atas pun terkadang enggan membawa perubahan terutama bila kepentingan mereka ditekan atau terjejas.
11. Jadi lebih selesa, *Culture of contentment* kerana pertama dia akan dicurahkan dengan segala pujian yang terhebat, sistem dia terbaik dan tidak ada keinginan dan hasrat untuk membawa perubahan atau islah. Jadi ini saya nak saudara-saudara faham, supaya teguran-teguran yang tempiasnya itu kepada semua, baik menteri atau menteri Kerajaan negeri ataupun penjawat awam. Bukan maksud untuk menidakkannya atau menolak sumbangan di kalangan ramai guru. Ada guru yang luar biasa cemerlang. Saya tidak fikir saya ke sini hari ini kalau tidak dengan didikan ibu bapa saya dan guru-guru saya baik di Sekolah Kebangsaan Cherok

Tok Kun ataupun di Stowell School sekolah rendah dan tentunya lama di Kolej Melayu Kuala Kangsar dan kemudian Universiti Malaya. Sahabat-sahabat dan guru-guru dalam usrah, dalam naqib dan para nuqaba' yang membantu mendidik kita. Kalau tanpa mereka semua tak dapat kita sampai di sini. Yang saya nak sentuh di sini ialah ada guru-guru dan rakan-rakan yang cemerlang. Tetapi ada juga yang jelik, yang lemah.

12. Menteri Besar saudara Syukri sebut tentang upaya saya untuk cuba membawa perubahan memastikan negara ini tidak lagi terpalit dengan permasalahan salah guna kuasa rasuah yang menjadi budaya. Ini bukan kenyataan politik ini kenyataan sebenar.
13. Saya memang pergi keliling dunia, diundang ke tempat-tempat di Arab, Turki, China, Amerika hampir tidak terkecuali orang tanya, Malaysia, 1MDB, rasuah dan orang bertanya, bagaimana mungkin gejala rasuah skala besar berlaku? Apakah salahnya seorang Perdana Menteri atau Menteri? Tak betul! Seluruh sistem itu jadi lemah dan para pemikir pun terlibat, lebih ramai yang menjadi pemikir lesu dan mengampu daripada yang berani mengungkapkan pandangan. Sebab itu suasana bebas yang kita ungkapkan sebagai demokrasi itu saya selalu tekankan. Termasuk ada

pidato di Jakarta baru-baru ini yang menyebutnya sebagai demokratik akauntabiliti. Ya demokrasi, tetapi mesti ada pertanggungjawaban.

14. Mana ada bebas terhadap bertanggungjawab. Jadi demokratik akauntabiliti maknanya bukan sekadar menang pilihan raya kalaupun bersih tetapi diukur dari segi tanggungjawab kita. Melaksanakan dengan bersih. Ada orang kata dengan pengalaman 1MDB dan ada yang dipenjarakan, tentu ada pengajaran, tidak benar! Masukkan satu dua orang di penjara belum lagi jadi pengajaran kepada pimpinan negara kita. Saya kebetulan juga menjadi Menteri Kewangan dan tentu dalam setiap kes saya kemukakan tengok lihat balik fail kerana saya kata mesti jimatkan belanja. Mesti menghentikan kecurangan ini. Jadi, saya baca fail, hampir setiap kontrak besar, ketirisan atau ya komisen yang sebenarnya rasuah itu berlaku dan kadang skala besar. Bukan saya buat kerja penyiasat, penyiasat itu kerja SPRM. Saya bukan pendakwa, itu kerjanya Peguam Negara. Tetapi sebagai menteri bertanggungjawab, saya lihat fail.
  
15. Ini yang merunsingkan kita dan kalau berlaku begitu, saya bimbang takut dia menjalar sampai ke bawah. Yang disebut *permissiveness* oleh bapak Muhammad Natsir, seorang

pemikir dan pejuang Islam yang hebat di Indonesia. Dia pernah menulis tentang *permissive* ini maknanya dia mula mengalah, bertolak ansur. Rasuah sedikit okey, telanjang sedikit okey, jadi dia permisif dia mengalah dari segi moral. Jadi dia tahap pemikiran tentang rasuah dan gejala akhlak itu mungkin dah mula merendah yang dikatakan *permissiveness* dari segi moral.

16. Apa kaitan dengan penjawat awam? Malah kepada pimpinan politik juga ialah mengembalikan nilai dan akhlak itu ke tahap yang sepatutnya. Kerana Rasulullah S.A.W itu diukur dari segi kekuatan akhlaknya, *Wa innaka La'ala Khuluqin Azeem* (Surah Al-qalam, ayat 4)
17. Apabila bercakap tentang teknologi IT, *artificial intelligence* kadang-kadang kita lupa semua ini yang merentasinya mesti soal nilai dan akhlak dan kalau kita ketepikan, inilah yang terjadi. Bayangkan setelah hiruk pikuk negara ini dengan kes-kes rasuah berskala besar masih ada, dan saudara percayalah kenyataan saya ini. Saya buat kenyataan ini berdasarkan fakta yang saya lihat sendiri.
18. Orang akan tanya, kalau begitu dakwalah, dakwa bukan kerja saya. Dakwa itu kerja Peguam Negara. Siasatlah, siasat tu kerja SPRM dan badan-badan penyiasat. Yang

saya lakukan saya sampaikan apa yang saya lihat. Projek Jana Wibawa, ratusan juta masuk ke akaun lain. Tebatan banjir, peruntukan RM15 bilion yang telah diluluskan RM13.8 bilion. Tapi nasib baik bila saya Menteri Kewangan belum sempat dilaksanakan, 13.8 bilion ringgit kita telah dapat setakat ini jimat hampir 2 bilion ringgit kerana kos itu meningkat secara menggila.

19. Kalau orang Jawa bilang ini jaman edan. Orang Perlis tak faham, dia cakap Siam saya cakap Jawa. Jaman edan ini zaman gila. Pemikiran keraton Jawa ini digelar Ronggo Warsito. Zaman edan ni maknanya zaman gila di mana hal-hal ini diizinkan kerana orang seperti ini kadang boleh diangkat lagi. Rakyat, masyarakat dan negara itu memaafkan, ini yang namanya *permissiveness*, beri izin kerana kita mengalah.
20. Saudara, saya nak rumuskan bab itu dengan mengatakan bahawa “selamatkanlah negara kita”. Pilihan raya sudah berlalu. Kita harus sepakat dalam perkara ini, ada hal-hal lain yang kita tidak sepakat, tidak mengapa.
21. Menteri besar ini dia orangnya sederhana. Dia lembut sikit jadi yang tak sepakat langsung dia tak sebut dengan saya. Dia sebut yang kita bersetuju je. Padahal yang tak bersetuju

dengan saya banyak tapi langsung dia tak sebut. Nanti saya boleh mai Perlis ini.

22. Tolong fikir di semua peringkat bahagian penguat kuasa, Majlis Perbandaran, kita ni apa? Kalau tidak untuk berkhidmat. Saya boleh berucap di sini tetapi orang yang menilai ialah orang yang nak dapat lesen perniagaan, kedai-kedai, penjaja dan warung-warung. Bagaimana kita layani dan santuni mereka, mengukur keupayaan satu sistem pentadbiran.
23. Saya tutup kementerian Wilayah Persekutuan jadi saya cover. Apa yang hebat di Kuala Lumpur? Menara Berkembar, Menara Telekom, Menara TRX, Putrajaya? Semua gedung-gedung bergemerlapan. Tapi saya kata gerai macam mana? Warung siapa pedulikan? warung-warung tercorot. Jadi arahan saya, Anwar jaga Kuala Lumpur tak ada lagi mercu-mercu tanda, tak apa, cukup yang ada. Tapi saya nak diukur dari ratusan malah ribuan gerai-gerai yang dibangun semula dengan indah dan bersih supaya orang rakyat terbanyak itu akan faham dan beroleh manfaat.
24. Dan itu yang hebatnya penjawat awam, dia ikut keputusan, dia pelaksana, saya bagi arahan dalam tempoh satu bulan.

Saya lihat terdapat 15 tempat di tempat ini, empat Menteri dan inilah dia rangka seni bina yang dilakukan dalam masa singkat.

Sebab itu binaan itu perlu jelas. Jangan fikir soal komisen. Tapi di bawah dia tahu saya tidak akan tolak ansur. Jadi ini lakukan yang usaha kita.

25. Ada namanya perumahan Perlis di Kuala Lumpur. Menteri Besar kena melawat sekali, perumahan itu paling teruk di Kuala Lumpur. Nama pun flat Perlis. Berapa tahun dah siap, 40 tahun? Satu bilik, dah usang, jadi saya kata saya nak satu program ini. Dah bayar 40 tahun, bagilah hak dia sebagai penyewa.
26. Dan kalau perlu bangunkan semula. Itu sedang direncanakan peringkat awal kita hendak berikan hak milik kepada mereka yang telah menyewa 40 tahun, ini kerana nasib orang miskin. Kalau orang kaya dia faham jual beli. Kalau orang miskin dia sewa itulah keadaan dia.
27. Jadi, bagi saya soal perumahan ini juga penting. Sebab itulah bila saya lihat permohonan projek perumahan rakyat di Perlis. Rakyat berpuluhan tahun bayar, jadi nak minta dilupuskan hutang itu. Kalau tanya saya, saya tak nak

luluskan projek nak lupuskan hutang rumah rakyat yang dah puluh tahun itu. Insha Allah kita lupuskan untuk negeri Perlis.

28. Saya tertanya apa keutamaan dan menjana pertumbuhan ekonomi Perlis? Kerana Perlis sampai sekarang masih defisit dan tergantung untuk memperolehi pinjaman ataupun peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya tidak fikir pinjaman yang besar yang tertangguh itu boleh dibayar, walaupun kalau bab hutang ini *Aufu bil uqud* kena bayar, tetapi kenyataannya keadaan dan realitinya tidak memungkinkan. Maka sebab itu saya dan rakan-rakan dari agensi pusat akan bersama-sama dengan Kerajaan negeri memikirkan projek-projek yang boleh mendatangkan hasil. baik pertanian atau pelancongan atau industri atau *inland port* yang boleh membawa menjanakan perubahan.
29. Sebab itu juga untuk mesyuarat koridor utara selalunya dilakukan di Kuala Lumpur. Jadi saya telah putuskan nak bincang koridor utara, tak payahlah di Putrajaya. Maka, untuk mesyuarat koridor utara dalam beberapa bulan akan datang kita adakan di Kangar. Insha Allah.
30. Acara itu bermakna seluruh jentera dan pimpinan kerajaan Persekutuan dan beberapa negeri lain akan turun di sini. Dan itu kebijaksanaan Menteri Besar dan Setiausaha

Kerajaan Negeri untuk menggunakan kesempatan itu dan strategi untuk menawan dengan rakan-rakan untuk mencari jalan dan bersetuju untuk mengadakan beberapa program dan projek yang baik yang boleh menjana pertumbuhan, menjamin kepesatan ekonomi negeri Perlis.

31. Jadi sekali lagi saya nak sebut ada hal-hal lain seperti mana yang di Pelabuhan Sanglang dan sebagainya. Itulah saya telah arahkan *central agency*. Saya sebelum melawat di sini umpamanya pegawai-pegawai daripada semua Jabatan, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, ICU JPM itu telah pun beri maklumat. Itu stail saya sekarang, saya tidak datang sini untuk mendengar jadi saya buat persiapan dulu walaupun tidak tumpu sangat sebab semalam lepas permukiman kabinet. Saya masih dapat teliti laporan daripada Jabatan, Kementerian itu yang menyebabkan saya putuskan lebih baik dalam mesyuarat koridor di sini supaya kita bicara tidak dari Putrajaya, fikir yang jauh seperti di Perlis tapi hadir sendiri dan lihat sendiri. Bagi saya itu akan membantu mempengaruhi kepimpinan untuk memberikan sedikit tumpuan atau tumpuan yang lebih kepada Perlis.
  
32. Jadi akhirul kalam saya nak sebut kepada saudara-saudara. Bukan amalan saya, jangan harap benda ni, Perdana Menteri datang sini untuk memenangi hati rakyat, untuk

umum projek. Kita nak umum projek ini kena ada penelitian, kena ada persetujuan *central agencies* supaya dia *proper*. Kalau tidak kita umum projek, tak ada apa pun berlaku, berapa ratus projek diumum di Perlis yang belum berjalan, terutama sebelum pilihan raya lagi banyak projek.

33. Saya tidak mahu teruskan amalan itu. Kalau kita dah putuskan muktamad, kita lakukan. Mungkin semasa mesyuarat koridor utara, masa itu kita dah memuktamadkan beberapa projek penting tetapi tentulah saya tidak tidak hanya hendak menokok nambah tetapi saya beri jaminan kepada Menteri Besar dan Kerajaan Negeri dan rakyat Perlis kerana kenyataan ekonomi Perlis itu yang lebih malap berbanding negeri lain adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan untuk memberikan kesempatan supaya mengupayakan Perlis itu meningkat dan lebih kukuh ekonominya. Itu sebagai dasar kita lakukan.
34. Jentera negeri dan Persekutuan harus berunding betul kerana dalam kekangan ekonomi sekarang, saya menjadi Perdana Menteri bermakna saya akan umumkan 24 Februari, hutang hampir 1.2 trilion ringgit dan hasil bertambah kecil, keupayaan untuk berbelanja sangat terbatas, melainkan saya lakukan sesuatu yang segera termasuklah menarik pelabur asing datang.

35. Ada berita baiknya ialah dalam masa singkat saya di sini, rombongan kuat dari Qatar umpamanya, dari negeri China dan baru ni Amerika Syarikat yang datang untuk membuat pelaburan yang agak besar di Negara kita. Ini satu permulaan yang sangat baik, sekaligus ucap terima kasih dan kita berdoa Allah Taala mudahan kita dapat menyaksikan perubahan ke arah kebaikan, dengan syarat kita melakukan islah ini untuk memperbaiki kelemahan dan hentikan negara ini menjadi medan untuk gelanggang ketua-ketuanya merampok atau merompak kekayaan.
36. Saya percaya kalau kita dapat hindari itu, kita boleh selamatkan 5-6 bilion ringgit. Setakat ini, tidak sampai dua bulan saya jadi Perdana Menteri saya dapat kenal pasti boleh kita selamatkan 5-6 bilion ringgit. Belum tahu kalau 2-3 bulan lagi saya percaya yang kebocoran itu akan dihentikan.
37. Umpamanya pentadbiran Kerajaan dulu umumkan untuk naik kadar elektrik. Kalau ikut rasional politik, mesti dinaikkan sebab satu tahun subsidi elektrik itu dah mencecah 30 bilion ringgit. Tak ada Kerajaan yang boleh mampu. Tetapi saya kata takkanlah pula kalau kita naikkan kadar elektrik itu, rakyat biasa akan terbeban. Jadi kita

pulangkan balik kertas itu minta dikaji semula supaya naik itu hanya bagi kategori teratas, kadar elektrik bagi syarikat-syarikat besar *multinational corporation* naiklah sedikit tetapi tidak kita telah putuskan tidak menaikkan kadar elektrik walaupun telah diumumkan tahun lalu akan dinaikkan. Tetapi saya batalkan pengumuman itu, untuk tidak membebankan rakyat.

38. Sekarang ni ada cadangan-cadangan lain yang kita buat, begitu umpamanya pendidikan percuma untuk rakyat, percuma untuk petani, percuma untuk pekerja biasa dan percuma bagi orang-orang atasan yang gaji tiga empat puluh ribu ringgit sebulan. Maka saya cadangkan kepada Menteri Pendidikan untuk mencari pendekatan supaya orang yang pendapatannya tiga empat puluh ribu ringgit sebulan, bayar supaya tidak membebankan yang lain.
39. Subsidi minyak, orang yang pakai Proton, orang yang memandu Mercedes besar, semua orang dapat subsidi. Industri-industri yang untungnya satu bilion ringgit satu tahun pun dapat subsidi minyak. Jadi, itulah kita bincangkan tentang *targeted subsidy* supaya subsidi itu nama subsidi itu bantuan bagi yang kurang bernasib baik, kita bantu yang bawah. Ini adalah beberapa pendekatan dalam Kerajaan Perpaduan yang baru ini supaya kita terus bantu rakyat, tapi

tidak membebankan ekonomi Negara dengan hutang piutang yang begitu besar.

Terima kasih.

Assalamualaikum warahmatullahi.